



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
*(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)*  
**Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi**  
*(Ministry of Science, Technology and Innovation)*

21 Disember 2016

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 2/2016

## **PENGGUNAAN SEPENUHNYA PERKHIDMATAN SECARA ATAS TALIAN MENGUNAKAN SISTEM eLesen-eSPP**

### **TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemohon atau pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) mengenai penggunaan sepenuhnya perkhidmatan secara atas talian menggunakan sistem eLesen-eSPP merangkumi permohonan lesen, pendaftaran, kebenaran, kelulusan, pengiktirafan serta lain-lain pengawalan aktiviti tenaga atom bagi maksud bukan perubatan.

### **LATAR BELAKANG**

2. Perkhidmatan secara atas talian menggunakan sistem eLesen-eSPP dibangunkan bagi membolehkan permohonan dan penilaian secara atas talian dilaksanakan yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Secara atas talian, sistem eLesen-eSPP membolehkan pemohon atau pemegang lesen:

- Memohon lesen, pendaftaran, kebenaran, kelulusan, pengiktirafan dan lain-lain;
- Menyemak dan memantau status permohonan;
- Mendapatkan dan mencetak keputusan permohonan;
- Menyemak bil dan menjelaskan pembayaran melalui Perbankan Internet;
- Menerima pemberitahuan melalui email;

- Mengemaskini maklumat syarikat; dan
- Lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.

Melalui penggunaan sistem eLesen-eSPP, proses permohonan, penilaian dan pengeluaran lesen serta lain-lain kebenaran/ kelulusan bagi maksud bukan perubahan dapat dilakukan dengan lebih mudah, pantas dan berkesan.

3. Penggunaan sistem eLesen-eSPP telah menggantikan sepenuhnya pelaksanaan permohonan lesen, pendaftaran, kebenaran, kelulusan, pengiktirafan dan lain-lain, yang sebelum ini menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh jabatan AELB, atau permohonan melalui surat hasrat/ rasmi daripada pemegang lesen/pemohon kepada jabatan AELB.

#### **ARAHAN AELB**

4. Bermula 1 Januari 2012, perkhidmatan secara atas talian menggunakan sistem eLesen-eSPP telah disediakan oleh jabatan AELB. Sehubungan itu, **berkuatkuasa serta merta**, kesemua permohonan berkaitan pengawalan aktiviti tenaga atom bagi maksud bukan perubahan hendaklah menggunakan sistem eLesen-eSPP. Mana-mana prosedur sebelum ini yang memerlukan pemohon atau pemegang lesen mengisi borang adalah **tidak lagi terpakai** dan permohonan hendaklah dibuat melalui perkhidmatan secara atas talian menggunakan sistem eLesen-eSPP.

#### **PENUTUP**

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

#### **Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Luar**

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : [mnr-customer@aelb.gov.my](mailto:mnr-customer@aelb.gov.my)

Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)